

# Najib: Tidak mengejutkan

UM 7 8 JAN 2009

**K**UALA LUMPUR 7 Jan. — Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyifatkan hasrat Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik untuk meletakkan jawatannya sebagai bukan sesuatu yang mengejutkan.

Ini kerana katanya, pemimpin itu pernah melahirkan hasratnya untuk berbuat demikian sebelum ini.

Selain itu kata beliau, tarikh berkuat kuasa perletakan jawatan tersebut juga belum ditetapkan.

“Kita serahkan kepada budi bicara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan tentang hal ini.

“Sekiranya peletakan jawatan tersebut menjadi kenyataan, kita berharap akan berlaku peralihan kuasa dengan baik dalam MCA,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Liong Sik hari ini mengumumkan hasratnya untuk melepaskan jawatannya dalam Kabinet dengan tarikh kuat kuasanya terpulang kepada Perdana Menteri.

Surat peletakan jawatan itu telah diserahkannya kepada Dr. Mahathir pada 15 Ogos lalu.

Najib berkata, MCA merupakan parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) dan kerana itu kestabilannya begitu penting demi memastikan pengaruh BN terus kukuh.

Menurutnya, UMNO juga berharap kewujudan dua kumpulan dalam parti berkenaan akan berakhir sebaik sahaja

berlakunya peralihan kuasa dalam parti itu nanti.

Seorang lagi Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berkata, semua pihak harus menghormati hasrat Liong Sik itu.

Walaupun masih terkejut mendengar pengumuman tersebut, beliau berkata, keputusan tersebut mungkin telah lama difikirkan oleh pemimpin berkenaan dengan mengambil kira pelbagai aspek.

“Apa yang saya faham keputusannya belum muktamad. Terserahlah kepada Perdana Menteri menimbangkannya,” kata beliau.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Mohd. Taib pula berkata, negara akan ‘kehilangan’ seorang pemimpin yang baik apabila Liong Sik mengumumkan hasratnya itu.

Namun begitu, katanya, Presiden MCA itu berhak berbuat demikian dan keputusan itu tidak akan menggugat kekuatan BN terutamanya untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

“BN adalah parti yang besar dan saya kira Perdana Menteri akan mengumumkan masa yang sesuai peletakan jawatan itu diterima,” ujarnya.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, beliau yakin Dr. Mahathir berupaya menangani soal peletakan jawatan Liong Sik itu dengan baik.

“Kita serahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri untuk menyelesaikan hal ini,” katanya.